



4 Mac 2021  
4 March 2021  
P.U. (A) 95

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)  
(NO. 2) 2021

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak yang bermastautin di Malaysia daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran berhubung dengan laba atau keuntungan yang diperolehi, sebagai ganti faedah, daripada Sukuk Prihatin.

(2) Bagi maksud perenggan ini—

“orang yang layak” ertinya—

(a) individu yang merupakan seorang warganegara Malaysia berumur lapan belas tahun ke atas;

(b) suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia tetapi tidak termasuk suatu institusi kewangan dan seorang pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan pengurusan kumpulan wang di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*]; atau

- (c) suatu kumpulan orang, perkongsian atau perkongsian liabiliti terhadap yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia dan menjalankan perniagaannya di Malaysia tetapi tidak termasuk pemegang amanah yang berdaftar sebagai ahli Persatuan Syarikat Amanah Malaysia yang bertindak bagi pihak orang itu;

“Sukuk Prihatin” ertinya sekuriti Islam yang mempunyai nilai nominal sehingga enam ratus enam puluh enam juta empat ratus tujuh belas ribu dan lima ratus ringgit (RM666,417,500.00) yang diterbitkan mengikut prinsip *Murabahah* pada 22 September 2020 oleh Kerajaan.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), “institusi kewangan” ertinya—

- (a) suatu bank, bank pelaburan atau penanggung insurans yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];
- (b) suatu bank Islam, pengendali takaful atau pengendali takaful antarabangsa yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];
- (c) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*]; atau
- (d) suatu entiti yang disenaraikan di bawah Bahagian 1, Jadual 4 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Dibuat 1 Mac 2021

[MOF.TAX(S) 700-2/1/114; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-77; PN(PU2)80/C]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)  
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 2) Order 2021**.

(2) This Order is deemed to have effect from the year of assessment 2020.

**Exemption**

2. (1) The Minister exempts a qualifying person resident in Malaysia from the payment of income tax in the basis period for each year of assessment in relation to gains or profits derived, in lieu of interest, from Sukuk Prihatin.

(2) For the purposes of this paragraph—

“qualifying person” means—

(a) an individual who is a citizen of Malaysia aged eighteen years and above;

(b) a body corporate incorporated under the laws of Malaysia but excluding a financial institution and a holder of a Capital Markets Services Licence carrying on the business of fund management under the Capital Markets and Services Act 2007 [*Act 671*]; or

- (c) a body of persons, partnership or limited liability partnership registered under any written law in Malaysia and carries on its business in Malaysia but excluding a trustee registered as a member of the Association of Trust Companies Malaysia who acts on behalf of the person;

“Sukuk Prihatin” means the Islamic securities of nominal value of up to six hundred sixty-six million four hundred seventeen thousand and five hundred ringgit (RM666,417,500.00) issued in accordance with the principle of *Murabahah* on 22 September 2020 by the Government.

(3) For the purposes of subparagraph (2), “financial institution” means—

- (a) a bank, investment bank or insurer licensed or deemed licensed under the Financial Services Act 2013 [*Act 758*];
- (b) an Islamic bank, takaful operator or international takaful operator licensed or deemed licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*];
- (c) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*]; or
- (d) an entity listed under Part 1, Schedule 4 to the Capital Markets and Services Act 2007.

(4) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved the person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

Made 1 March 2021

[MOF.TAX(S) 700-2/1/114; LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-77; PN(PU2)80/C]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the  
Income Tax Act 1967]*